

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	KERAJAAN NEGERI DIBERI KUASA LEBIH TEGAS BANTERAS KILANG E-WASTE HARAM - NRES
	SUMBER	BH ONLINE (7 MEI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	

## Kerajaan negeri diberi kuasa lebih tegas banteras kilang e-waste haram - NRES

BERNAMA - Mei 7, 2026 @ 10:17pm



PUTRAJAYA: Kerajaan negeri dibenarkan mengambil tindakan lebih tegas dan menyeluruh bagi membanteras aktiviti pemprosesan sisa elektronik haram, termasuk melaksanakan pencerobohan serta rampasan tanah terhadap premis yang terlibat.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dalam kenyataan memaklumkan perkara itu dipersetujui pada Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar dan Ahli-Ahli Majlis Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab mengenai Alam Sekitar Bilangan 1 Tahun 2026 (MEXCOE Bil. 1/2026) hari ini.

"Pendekatan ini langkah proaktif dan strategik bagi memperkukuh tindakan penguatkuasaan sedia ada, di samping memastikan aktiviti pemprosesan sisa elektronik secara haram dapat dibanteras secara lebih efektif," menurut kenyataan itu.

NRES memaklumkan perbincangan mengenai tindakan tegas yang boleh diambil kerajaan negeri terhadap premis yang menjalankan aktiviti itu menjadi fokus utama

MEXCOE Bil. 1/2026 yang dipengerusikan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Joseph Arthur Kurup.

Mesyuarat itu dihadiri ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memegang portfolio berkaitan alam sekitar dari seluruh negara serta pegawai kanan jabatan dan agensi berkaitan di peringkat Persekutuan dan negeri.

Menurut NRES, ahli mesyuarat turut dimaklumkan sebanyak 83 kilang pemprosesan sisa elektronik secara haram telah dikenal pasti di seluruh negara menerusi pelaksanaan tiga siri Ops Hazard oleh Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan.

Selain itu, NRES memaklumkan dapatan kajian Indeks Prestasi Alam Sekitar Malaysia (MyEPI) yang dilaksanakan bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) turut dibentangkan.

"Kajian MyEPI ini menyediakan penilaian komprehensif mengenai prestasi alam sekitar di seluruh Malaysia yang berfungsi sebagai alat sokongan pembuatan keputusan berasaskan data yang komprehensif," menurut kenyataan itu.

Antara perkara lain yang turut dibincangkan termasuk status pelaksanaan larangan penggunaan beg plastik jinjit sekali guna, ketersediaan Jabatan Meteorologi Malaysia untuk pemantauan aktiviti jerebu rentas sempadan menggunakan Pemodelan Sebaran Aerosol dan Pencemar Udara serta status insiden pembakaran terbuka dan tindakan pencegahan.

2.	TAJUK	JWP WARTAKAN EMPAT LAGI KAWASAN HIJAU, TANAH LAPANG, DI KL
	SUMBER	BH ONLINE (7 MEI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	

## JWP wartakan empat lagi kawasan hijau, tanah lapang di KL

Oleh **Hannah Norbaqqa Syarul** - Mei 7, 2026 @ 1:54pm



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Hannah Yeoh bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Fadhlun Mak Ujud pada sidang media selepas bertemu penduduk Taman Bukit Segar selepas kawasan tersebut diwartakan kawasan Hijau dan Lapang oleh Jabatan Wilayah Persekutuan. - Foto NSTP/Hazreen Mohamad.

KUALA LUMPUR: Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) mewartakan empat lagi kawasan hijau dan tanah lapang awam di ibu negara, kurang tiga minggu selepas pengumuman pewartaan 45 kawasan sama pada 15 April lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Hannah Yeoh, berkata tambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kawasan hijau dan lapang yang berjaya diwartakan setakat ini meningkat kepada 543 kawasan.

Katanya, empat tapak terbabit membabitkan dua kawasan lapang di Jalan Damai Puspa, Alam Damai di bawah Parlimen Bandar Tun Razak serta taman permainan dan dewan komuniti di Persiaran Lemak, Taman Segar, Cheras.

"Semua kawasan ini sudah lama digunakan penduduk setempat dan kini dilindungi secara rasmi sebagai kawasan hijau serta kemudahan awam.

"Kita menubuhkan pasukan petugas khas di bawah JWP untuk mempercepat proses pewartaan kawasan lapang kerana tanah di bandar seperti Kuala Lumpur sangat bernilai dan kita tidak mahu ia hilang suatu hari nanti," katanya pada sidang media JWP Percepat Pewartaan Kawasan Hijau dan Lapang, di Taman Segar, di sini, hari ini.

Turut hadir Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Fadhlun Mak Ujud dan Ahli Parlimen Cheras, Tan Kok Wai.

Hannah berkata, langkah itu selaras komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan lebih banyak kawasan hijau di ibu negara terus dipelihara untuk kegunaan awam, khususnya warga emas dan penduduk bandar.

"Ramai warga emas memilih untuk menetap di Kuala Lumpur selepas bersara, sebab itu ruang hijau sangat penting sebagai kawasan riadah dan tempat beriadah bersama rakan-rakan.

"Kawasan hijau ini ibarat 'ruang bernafas' kepada warga kota terutama pada waktu pagi dan petang," katanya.

Sebelum ini, sebanyak 494 kawasan diwartakan pada 5 Februari lalu sebelum tambahan 45 kawasan diumumkan pada 15 April.

Katanya, orang ramai boleh menyemak kawasan yang sudah diwartakan menerusi portal rasmi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Kawasan yang diumumkan hari ini ditandakan dengan warna jingga dalam pelan pewartaan," katanya.

Sementara itu, Kok Wai berkata pewartaan kawasan terbabit memberi kelegaan kepada penduduk sekitar Taman Segar termasuk komuniti berhampiran sempadan Selangor yang sekian lama bimbang kawasan berkenaan dibangunkan secara tidak terkawal.

Katanya, taman rekreasi dan bangunan Rukun Tetangga di kawasan itu sering digunakan masyarakat setempat untuk pelbagai aktiviti harian.

"Penduduk bimbang kawasan ini dibangunkan sebagai kondominium atau pangsapuri bertingkat tinggi.

"Jadi pengumuman hari ini adalah berita paling menggembirakan kerana tanah lapang dan kawasan hijau ini bukan sahaja penting untuk generasi sekarang tetapi juga generasi akan datang," katanya.

Mengulas cadangan pewartaan kawasan lain termasuk tanah bagi kompleks sukan di Taman Bukit Indah, Hannah berkata pasukan petugas khas JWP sedang mengenal pasti semua kawasan lapang dan taman awam untuk diwartakan secara berperingkat.

Katanya, isu membabitkan tanah utiliti dan kawasan sensitif pembangunan pula akan diteliti bersama Ahli Parlimen serta DBKL sebelum sebarang keputusan dibuat.

"Kita sudah mewujudkan saluran khas antara Ahli Parlimen dan Datuk Bandar Kuala Lumpur bagi membincangkan isu seperti ini secara terus," katanya.

3.	TAJUK	KILANG KITAR SEMULA DISYAKI PUNCA PENCEMARAN BAU SUNGAI SEMENYIH
	SUMBER	HM (5 MEIL 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	

## Kilang kitar semula disyaki punca pencemaran bau Sungai Semenyih

Norzamira Che Noh – Mei 5, 2026 @ 3:11pm

SHAH ALAM: Sebuah kilang kitar semula di kawasan perindustrian Mahkota Beranang dipercayai menjadi punca kepada pencemaran bau yang dikesan di Sungai Semenyih, pada Ahad lalu.

Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Selangor, Jamaliah Jamaluddin berkata, kilang yang disyaki melepaskan bahan pencemar itu dikesan awal pagi semalam menerusi siasatan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan pihak Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

"Semakan lanjut LUAS di premis itu mendapati terdapat pelepasan berwarna yang disyaki dilepaskan terus ke dalam sistem perparitan dan seterusnya masuk ke dalam Sungai Kabul.

"Semakan LUAS juga mendapati, premis berkenaan mempunyai Lesen Air Kembalikan di bawah Peraturan-Peraturan Pelesenan Pembuangan Air Kembalikan, dan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Buangan dan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2024 atau Zero Discharge Policy (ZDP), namun tidak patuh kepada syarat-syarat lesen berkenaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, LUAS juga mengeluarkan arahan di bawah Seksyen 121(1), Enakmen LUAS 1999 kepada premis itu untuk menghentikan pelepasan berkenaan dan melaksanakan kerja-kerja pembersihan serta kawalan di premis dan lokasi-lokasi berkaitan serta-merta.

Katanya, LUAS membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 79(4) Enakmen LUAS 1999 bagi kesalahan mencemarkan sumber air, dan Seksyen 59 bagi kesalahan tidak mematuhi syarat lesen.

Terdahulu, bau abnormal sehingga dua ton dikesan di Sungai Semenyih kira-kira jam 10.30 malam, Ahad lalu yang mana LUAS bertindak mengaktifkan Kod Kuning mengikut Manual Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor.

Jamaliah berkata, pencemaran bau itu memberi risiko kepada operasi Loji Rawatan Air (LRA) terhampir iaitu LRA Sungai Semenyih dan seterusnya LRA Bukit Tampoi di hilir.

"LUAS telah segera melaksanakan langkah pemulihan awal pencemaran di Sungai Kabul dan kawasan berkaitan dengan meletakkan sekitar 100 kilogram 'activated carbon' (AC) bagi tujuan nyah bau selain turut mengaktifkan pemantauan bau secara intensif di Sungai Kabul serta Sungai Semenyih.

"Persampelan telah dilakukan oleh LUAS di lokasi-lokasi berkenaan di kawasan premis dan telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk analisis lanjut.

"Selain itu, tindakan mitigasi dilaksanakan dengan mengaktifkan pengepaman air dari Kolam B dan C di bawah Projek Skim Jaminan Air Selangor (SJAM) bagi menyalurkan sumber air terus ke LRA Sungai Semenyih sehingga 770 juta liter sehari (JLH), bagi memastikan tiada gangguan bekalan air mentah kepada loji," katanya.

Beliau berkata, sehingga jam 8 malam tadi, pemantauan LUAS telah mengesahkan tiada lagi bau abnormal dikesan di Sungai Semenyih dan Sungai Kabul serta keadaan sungai kembali normal.

"Operasi SJAM juga telah ditamatkan pada jam 8 malam dan LRA Sungai Semenyih kembali kepada operasi normal.

4.	TAJUK	PREMIS PROSES SISA PLASTIK TANPA KELULUSAN DISERBU PIHAK BERKUASA
	SUMBER	HM ONLINE (6 MEI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	

## Premis proses sisa plastik tanpa kelulusan diserbu pihak berkuasa

---

Zuliaty Zulkiffli  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

Sungai Petani : Sebuah premis yang disyaki menjalankan aktiviti pemprosesan sisa plastik tanpa kelulusan pihak berkuasa di daerah ini diserbu pihak berkuasa, semalam.

Komander Briged Utara Pasukan Gerakan Am (PGA) Ulu Kinta, Perak, Senior Asisten Komisioner Balveer Singh berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Cawangan Risik Batalion 3, Briged Utara, PGA dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kedah, Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP) serta Bahagian Siasatan Jenayah IPD Kuala Muda melaksanakan satu Operasi Bersepadu Intra/Inter Agensi dikenali sebagai Op Taring Alpha 5 di lokasi.

Beliau berkata, pihak polis berjaya menahan lelaki tempatan dipercayai pemilik premis perniagaan terbabit.

"Hasil siasatan awal mendapati premis ini sudah beroperasi sejak tahun 2021 dan tidak pernah diserbu sepanjang perniagaan dijalankan.

"Fasiliti yang terdapat di dalam premis ini digunakan untuk memproses sisa plastik.

"Bijian plastik yang sudah siap diproses akan dihantar ke kilang di sekitar negeri ini dan Pulau Pinang untuk dijadikan produk lain, " katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Balveer Singh berkata, sumber bekalan bahan mentah plastik dan sisa plastik diperoleh dari kawasan perindustrian yang terletak di sekitar negeri Kedah dan Pulau Pinang.

Beliau berkata, seorang lelaki warga tempatan berusia 50-an ditahan bersama pelbagai mesin, jentera dan peralatan memproses plastik.

"Anggaran berat 200 tan beg jumbo berisi pelbagai plastik belum siap diproses turut dirampas dan anggaran nilai rampasan lebih RM8 juta.

"Kes diserahkan kepada JAS Negeri Kedah dan siasatan dijalankan di bawah Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan RM1,000 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah mengkehendakinya mematuhi tindakan yang dinyatakan di dalamnya itu," katanya.

Balveer berkata, pihak MPSP turut mengeluarkan satu kompaun berjumlah RM1,000 kepada pemilik premis di bawah Akta 171 Undang Undang Kecil Perlesenan Premis Tred Perniagaan dan Perindustrian, MPSP Tahun 2017.

**Disiarkan pada: Mei 6, 2026 @ 2:20pm**

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**